

BERITA HARIAN

DATE: 20/1/2010

## Hubungan dua hala dengan UAE dimanfaat

**M**ALAYSIA memanfaatkan hubungan dua hala serta kepakaran teknologi hijau Emiriah Arab Bersatu (UAE) bagi meningkatkan masukan dana pembiayaan asing dari negara rantau Teluk, selain mengeksport kemahiran syarikat tempatan ke sini, kata Datuk Seri Najib Razak.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, syarikat Malaysia perlu mengutamakan mutu dan hasil kerja untuk mengekalkan kepercayaan diberikan pihak berkuasa UAE kepada mereka.

Katanya, prestasi syarikat Malaysia perlu mengikut tanda aras antarabangsa bagi membida projek mega di rantau Teluk.

Bercakap kepada wartawan Malaysia pada hari terakhir lawatan rasmi empat hari ke UAE, terutama Abu Dhabi, Perdana Menteri berkata, beliau berpuas hati dengan hasil kunjungan itu yang mendapat sambutan menggalakkan dan pencapaian begitu memuaskan.

"Saya berasakan mereka menunjukkan hasrat begitu tinggi apabila sebuah syarikat UAE, Masdar menandatangani perjanjian dengan nilai projek AS\$100 juta (RM350 juta) sebagai peringkat permulaan untuk melaksanakan kaedah dan konsep bandar teknologi hijau yang bebas karbon di sini.

"Projek seumpama itu dengan skala lebih sederhana turut dirancang di Malaysia. Kita berharap sesuatu dapat dimulakan menjelang lawatan rasmi Sheikh Mohammad," katanya.

Sementara itu, Najib berkata, syarikat Malaysia adalah antara firma antarabangsa yang membida projek mencuci bangunan tertinggi dunia, Burj Khalifa di Dubai, sekali gus membuktikan kemampuan dan pengalaman firma tempatan bersaing dengan syarikat asing.

Perdana Menteri berkata, beliau yakin jika bidaan itu berjaya, ia pencapaian besar dengan mengambil kira pengalaman mengurus dan menyelenggarakan Menara Berkembar Kuala Lumpur (KLCC).